



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (1)

Tarikh **25** Mei 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 4/2018

PEMAKAIAN DASAR PENAMAAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah membangunkan dokumen "Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia" sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berkenaan dengan penamaan program pendidikan tinggi. Dokumen ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 3/2017 bertarikh 25 November 2017 dan Mesyuarat Majlis MQA Bil. 3/2018 bertarikh 20 Mac 2018.

3. Dokumen "Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia" bertujuan untuk memberi penjelasan tentang penamaan program yang sesuai dengan bidang pengajian bagi memberi maklumat yang tepat kepada pihak berkepentingan, terutamanya majikan. Dokumen ini menyatakan dengan jelas tentang:

- i. ciri-ciri penamaan sesuatu tahap kelayakan;
- ii. kaedah penamaan program berdasarkan struktur program;
- iii. penunjuk disiplin umum dan penunjuk bidang melalui penggunaan perkataan 'of' dan 'in'; dan
- iv. disiplin umum yang lazim diguna pakai iaitu 'Sains' dan 'Sastera'.

4. Dasar ini **wajib dipatuhi** oleh semua PPT termasuk PPT berstatus swaakreditasi dalam menamakan program pendidikan tinggi yang ditawarkan **kecuali** bagi program:

- i. badan persijilan;
- ii. profesional;
- iii. kerjasama;
- iv. universiti kampus cawangan luar negara di Malaysia; dan
- v. kemahiran (di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia).

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap “Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia” adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	01 Julai 2018	<p>Semua permohonan Akreditasi Sementara yang ingin dikemukakan kepada MQA dan sedang diproses oleh MQA.</p> <p><u>Catatan:</u> PPT perlu bersetuju dengan syor perubahan terhadap penamaan program sebelum perakuan Akreditasi Sementara dimuktamadkan.</p>
2.	01 Julai 2019	<p>i. Semua permohonan Akreditasi Penuh yang ingin dikemukakan kepada MQA dan sedang diproses oleh MQA.</p> <p><u>Catatan:</u> PPT perlu bersetuju dengan syor perubahan terhadap penamaan program sebelum perakuan Akreditasi Penuh dimuktamadkan.</p> <p>ii. Semua program yang telah mendapat perakuan Akreditasi Penuh.</p> <p><u>Catatan:</u> PPT perlu membuat pindaan dan memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat penamaan daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau pihak berkuasa yang melulus pengendalian program pendidikan tinggi bagi tujuan penyelarasan maklumat dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR).</p>

6. Dokumen "Dasar Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia" boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR